



NOTIS TAWARAN SEBUTHARGA IKMa/ZONTIMUR/BIL.02/2026

(1)

**PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN (TANPA
SENJATA) BAGI BANGUNAN PEJABAT INSTITUT
KOPERASI MALAYSIA ZON TIMUR,KOMPLEKS
INKUBATOR,INDER MAHKOTA 14,BANDAR INDERA
MAHKOTA,25200 KUANTAN,PAHANG DARUL MAKMUR
BAGI TEMPOH 2 TAHUN**

NOTIS TAWARAN SEBUTHARGA : IKMa/ZONTIMUR/BIL.02/2026



**INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa)
AGENS DI BAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
(KUSKOP)**

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

NOMBOR SEBUTHARGA	:	IKMa/ZONTIMUR/BIL.02/2026									
BUTIRAN-BUTIRAN SEBUTHARGA	:	PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN (TANPA SENJATA) BAGI BANGUNAN PEJABAT INSTITUT KOPERASI MALAYSIA ZON TIMUR,KOMPLEKS INKUBATOR,INDERA MAHKOTA 14,BANDAR INDERA MAHKOTA,25200 KUANTAN,PAHANG DARUL MAKMUR BAGI TEMPOH 2 TAHUN									
KELAYAKAN PENYEBUTHARGA	:	BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (MOF) YANG MASIH SAH LAKU DI BAWAH KOD BIDANG: ✓ 220801 – Perkhidmatan Pertahanan Dan Keselamatan (Kawalan Keselamatan-PERLU LESEN KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN)) KONTRAKTOR BUMIPUTERA									
TARIKH IKLAN DAN WAKTU DOKUMEN DIEDAR	:	13 OGOS 2026 (KHAMIS)									
BUTIR-BUTIR TAKLIMAT SEBUTHARGA DAN LAWATAN TAPAK	:	<table border="1"> <tr> <td>TARIKH</td><td>:</td><td>21 OGOS 2026 (JUMAAT)</td></tr> <tr> <td>MASA</td><td>:</td><td>11.30 PAGI</td></tr> <tr> <td>BERTEMPAT</td><td>:</td><td>IKMa ZON TIMUR,KUANTAN PAHANG</td></tr> </table> *KEHADIRAN LAWATAN SESI TAKLIMAT ADALAH WAJIB JIKA MENYERTAI TAWARAN SEBUTHARGA	TARIKH	:	21 OGOS 2026 (JUMAAT)	MASA	:	11.30 PAGI	BERTEMPAT	:	IKMa ZON TIMUR,KUANTAN PAHANG
TARIKH	:	21 OGOS 2026 (JUMAAT)									
MASA	:	11.30 PAGI									
BERTEMPAT	:	IKMa ZON TIMUR,KUANTAN PAHANG									
TARIKH DAN WAKTU TAWARAN SEBUTHARGA DITUTUP	:	3 SEPTEMBER 2026 (KHAMIS) WAKTU JAM 12.00 TENGAH HARI									

NOTIS TAWARAN SEBUTHARGA : IKMa/ZONTIMUR/BIL.02/2026

Nota:

1. Dokumen Sebutharga berkaitan boleh dimuat turun melalui laman sesawang rasmi Institut Koperasi Malaysia (IKMa) www.ikma.edu.my mulai 13 Ogos 2026 (Khamis).
2. Setiap dokumen Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat saiz A3 atau A4 dan **wajib** menulis di sudut atas kiri muka hadapan sampul surat tersebut dengan nombor sebutharga.
3. Dokumen sebutharga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri ke dalam Peti Tawaran di:-

Peti Sebutharga
Institut Koperasi Malaysia,
Kompleks Inkubator,
Indera Mahkota 14,
Bandar Indera Mahkota,
25200 Kuantan, Pahang Darul Makmur.

4. Dokumen Sebutharga yang lewat diterima dan tidak lengkap **tidak akan dipertimbangkan**.
5. IKMa tidak terikat untuk menerima sebutharga yang terendah atau sebarang sebutharga tanpa perlu memberi sebab penolakan. **Keputusan IKMa adalah Muktamad.**
6. Sebarang pertanyaan berkaitan perolehan ini sila hubungi:

Nama Pegawai	Unit/Sektor/Zon/Cawangan	No Telefon
CIK NURUL ASYIKIN BINTI AZMAN	IKMa ZON TIMUR	03-5732449

(2)

LAMPIRAN Q

**LAMPIRAN Q
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)**

No. Sebutharga **IKMa/ZONTIMUR/BIL.02/2026**

**KERAJAAN MALAYSIA
NEGERI PAHANG**

SEBUTHARGA UNTUK BEKALAN/PERKHIDMATAN

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebutharga.

Kepada (Nama Syarikat):

.....
.....

No. Telefon:

No. Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia :

.....
Kod bidang pendaftaran yang relevan dengan pembelian ini: **BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (MOF) YANG MASIH SAH LAKU KOD BIDANG : 220801**

Pelawaan sebutharga dikeluarkan oleh
Kementerian/Jabatan :
INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa)
ZON TIMUR, KOMPLEKS
INKUBATOR, INDERA MAHKOTA
14, BANDAR INDERA MAHKOTA, 25200
KUANTAN
PAHANG DARUL MAKMUR

No. telefon: **03-5732449**

Tarikh: **13 OGOS 2026 (KHAMIS)**

1. Sila beri sebutharga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:
 - 1.1 Syarat penyerahan/penyempurnaan berdasarkan spesifikasi sebutharga.
 - 1.2 Tarikh penyerahan/penyempurnaan dikehendaki
 - 1.3 Arahan pengiriman **DOKUMEN SERAHAN TANGAN SAHAJA**
 - 1.4 Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul berlakri dan bertanda nombor sebut harga **IKMa/ZONTIMUR/BIL.02/2026**
 - 1.5 Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada jam **12.00 TENGAH HARI PADA 3 SEPTEMBER 2026 (KHAMIS)**
 - 1.6 Tempoh sah laku sebutharga hendaklah **90** hari selepas tarikh tutup.

Tarikh: **13 OGOS 2026 (KHAMIS)**

Tandatangan: **SHAMSURI BIN SALLEH**

Nama Pegawai: **INSTITUT KOPERASI MALAYSIA**

Jawatan: **103, Jalan Templer, 46700 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan,
Tel: 03-7954 9770 Fax: 03-7957 8431**

Bil.	Perihal bekalan/perkhidmatan dan Syarat-syarat Khas	Unit Ukuran	Kuantiti/ Kekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
Untuk diisi oleh Kementerian/Jabatan				Untuk diisi oleh Penyebutharga	
IKMa/ ZONTIMUR BIL.02 /2026	PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN (TANPA SENJATA) BAGI BANGUNAN PEJABAT INSTITUT KOPERASI MALAYSIA ZON TIMUR,KOMPLEKS INKUBATOR, INDERA MAHKOTA 14,BANDAR INDERA MAHKOTA,25200 KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR BAGI TEMPOH 2 TAHUN			HARGA BERSIH TERMASUK CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN (SST)	

- (i) Harga yang ditawarkan adalah **harga bersih termasuk cukai jualan dan cukai perkhidmatan (SST)** ; dan
- (ii) Tarikh penyerahan/penyempurnaan ialah.....

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan bekalan/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan:

Penyebut Harga:

Tarikh:.....

Nama dan K/P:

Alamat Syarikat:

Mustahak – Lihat Syarat-syarat Am Di Belakang

Muka Surat 2/5

SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

1. KEADAAN BARANG

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

2. HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

4. BARANG SETARA

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5. PERSETUJUAAN

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga; dan
- (ii) Setiap butiran akan ditimbangkan sebagai satu sebut harga yang berasingan.

6. PEMERIKSAAN

- (i) Kerajaan sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan
- (ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

7. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

8. PENOLAKAN

- (i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;
- (ii) Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan
- (iii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

9. PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

10. TAFSIRAN

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

11. INSURANS

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA

12. CUKAI

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

13. PEMBUNGKUSAN

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

14. PENGENALAN

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

15. CUKAI

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

16. MATA WANG

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

17. PEMBUNGKUSAN

- (i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut normal perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

(3)

**SURAT AKUAN PEMBIDA
-LAMPIRAN F-**

SURAT AKUAN PEMBIDA

PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN (TANPA SENJATA) BAGI
BANGUNAN PEJABAT INSTITUT KOPERASI MALAYSIA ZON
TIMUR, KOMPLEKS INKUBATOR, INDERA MAHKOTA 14, BANDAR INDERA
MAHKOTA, 25200 KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR
BAGI TEMPOH 2 TAHUN

NOMBOR SEBUTHARGA: IKMa/ZONTIMUR/BIL.02/2026

1. Saya,.....(Nama Wakil Syarikat), No.Kad Pengenalan.....mewakili..... (NamaSyarikat) nombor pendaftaran.....(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang mewakili syarikat ini:

- i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **Institut Koperasi Malaysia (IKMa)** atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

- 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
- 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa:

- 3.1 saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i)dalam surat akuan ini;atau
- 3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk memenuhi perkara (ii) dalam surat akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (*turn over*) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhajaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM10,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.
5. Saya sesungguhnya falam bahawa syarikat melakukann kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat**memberikan,menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperolehi atau mengekalkan perniagaan atau feadah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan	:	
Nama	:	
No.KP	:	
Tarikh	:	
Cap Syarikat	:	

Catatan:

- (i) *termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574].
- (ii) **seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan kerajaan.

Pihak Syarikat : Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini.
Pihak Kerajaan : Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak.

(4)

**SENARAI SEMAK DOKUMEN
SEBUT HARGA**

(WAJIB HANTAR DOKUMEN BERKAITAN)



**SENARAI SEMAK
(BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA)**

SILA TANDAKAN BAGI / DOKUMEN-DOKUMEN YANG DISERTAKAN.

BIL.	PERKARA/DOKUMEN	UNTUK DITANDA OLEH SYARIKAT	UNTUK DITANDA OLEH JAWATANKUASA PEMBUKA SEBUT HARGA
1.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan Malaysia (masih tempoh sah laku) (Bekalan/Perkhidmatan)		
2.	Salinan Sijil Akuan Bumiputera Dari Kementerian Kewangan Malaysia (masih tempoh sah laku) (Bekalan /Perkhidmatan)		
3.	Salinan Kod Bidang Seperti di bawah (masih tempoh sah laku)		
	Kontraktor Bumiputera		
	Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) ✓ 220801 – Perkhidmatan Pertahanan Dan Keselamatan (Kawalan Keselamatan-PERLU LESEN KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN))		
4.	Salinan No.Pendaftaran Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) yang Sah Dari Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) (jika berkaitan)		
5.	Borang Sebut Harga Telah Diisi Dengan Lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan Ditandatangani		
6.	Borang Penyerahan Contoh Dan Katalog (jika berkaitan)		
7.	Senarai Kakitangan Teknikal (jika berkaitan)		
8.	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi (3) Bulan terakhir yang telah dicop sebagai pengesahan oleh pihak bank sahaja		
9.	Salinan SSM dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (masih tempoh sah laku)		

10.	Salinan Pengalaman Syarikat Berkaitan Perolehan Tersebut		
11.	Salinan Profail Syarikat		
12.	Lain-Lain Sekiranya Ada		

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT	UNTUK KEGUNAAN JABATAN
Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar. Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh :	Jawatankuasa Pembuka Sebut harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil..... (jika ada) Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh : Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh :

(5)

**DOKUMEN SEBUTHARGA
SKOP KEPERLUAN /
SYARAT-SYARAT AM DAN
JADUAL TAWARAN HARGA**



SKOP KEPERLUAN

PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN (TANPA SENJATA) BAGI BANGUNAN PEJABAT INSTITUT KOPERASI MALAYSIA ZON TIMUR, KOMPLEKS INKUBATOR, INDERA MAHKOTA 14, BANDAR INDERA MAHKOTA, 25200 KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR BAGI TEMPOH 2 TAHUN.

1. Lokasi : Bangunan Pejabat Institut Koperasi Malaysia Zon Timur, Kuantan Pahang Darul Makmur

Institut Koperasi Malaysia Zon Timur
Kompleks Inkubator,
Indera Mahkota 14,
Bandar Indera Mahkota,
25200 Kuantan,
Pahang.
No Tel : 09-5732449
No Faks : 09-5732450
Emel : timur@ikma.edu.my

2. Keperluan : Pengawal Keselamatan yang diperlukan dua (2) orang sahaja (1 orang siang 7am- 7pm) dan (1 orang malam 7pm-7am). Jantina adalah **lelaki**.
3. Skop perkhidmatan kawalan keselamatan di Institut Koperasi Malaysia Zon Timur (IKMaZT) adalah seperti di LAMPIRAN A.
4. Tempoh percubaan adalah 3 bulan dan kontrak adalah 2 tahun perkhidmatan.
5. Kod bidang adalah 220801 Kawalan Keselamatan dengan keperluan lesen dari Kementerian Dalam Negeri (KDN).

PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN (TANPA SENJATA) BAGI BANGUNAN PEJABAT INSTITUT KOPERASI MALAYSIA ZON TIMUR,KOMPLEKS INKUBATOR,INDERA MAHKOTA 14,BANDAR INDERA MAHKOTA,25200 KUANTAN,PAHANG DARUL MAKMUR BAGI TEMPOH 2 TAHUN.

1. Am.

1.1. Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Yang Diperlukan Meliputi Tugas :-

- 1.1.1. Menjaga dan mengawal pada setiap masa, segala bentuk keselamatan terhadap bangunan dan segala harta benda yang terdapat dalam bangunan sama ada milik jabatan, kakitangan mahupun pengguna.
- 1.1.2. Menjalankan segala bentuk tugas kawalan keselamatan yang diarahkan oleh pihak IKMa Zon Timur dari semasa ke semasa.

1.2. Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Yang Diperlukan Seperti Berikut :-

- 1.2.1. Kawalan pada waktu pejabat.
- 1.2.2. Kawalan selepas waktu pejabat dan hari kelepasan.

2. Kawalan Pada Waktu Pejabat.

- 2.1. Membuka dan menutup pintu-pintu pejabat keluar-masuk yang diperlukan.
- 2.2. Kawalan pergerakan kakitangan dan orang ramai dengan menggunakan kad pengenalan jabatan atau cara lain yang diarahkan oleh pengurusan.
- 2.3. Memeriksa kakitangan, penyewa bangunan atau orang ramai sekiranya disyaki dengan munasabah bahawa orang itu telah atau akan melakukan kesalahan jenayah, mengganggu atau menyusahkan orang ramai dan menyerahkan dengan serta-merta kepada pihak berkuasa.
- 2.4. Tidak membenarkan penjaja memasuki bangunan.
- 2.5. Memastikan peminta derma tidak dibenarkan masuk ke bangunan IKMa Zon Timur kecuali dengan kelulusan pihak pengurusan.
- 2.6. Bertanggungjawab memberi tunjuk arah dan penerangan asas kepada pelawat di atas kedudukan pejabat-pejabat dalam bangunan IKMa Zon Timur.
- 2.7. Memastikan tenaga kerja mematuhi peraturan kad perakam waktu.
- 2.8. Memastikan peserta kursus mematuhi peraturan yang ditetapkan.

3. Kawalan Selepas Waktu Pejabat Dan Hari Pelepasan.

- 3.1. Memeriksa dan memastikan semua lampu dalam bangunan di tutup *switch off* kecuali tempat-tempat tertentu dan diperlukan sahaja dinyalakan.
- 3.2. Memasang lampu-lampu keselamatan termasuk lampu koridor jika perlu.
- 3.3. Memeriksa dan mengunci pintu keluar-masuk seperti yang diarahkan.
- 3.4. Merekodkan butiran diri semua orang awam yang masuk ke bangunan, sekalipun mereka dikecualikan dan ada surat kebenaran masuk.
- 3.5. Memeriksa dan memastikan kakitangan dan orang awam yang tidak berkenaan dan tiada surat kebenaran agar tidak berada di dalam bangunan.
- 3.6. Membuat rondaan di sekitar bangunan.
- 3.7. Menjawab panggilan telefon.

4. Tugas-Tugas Tertentu

4.1. Kawasan/Kaunter Pengawal

- 4.1.1. Memastikan kawasan pengawal/kaunter pengawal berada dalam keadaan kemas, bersih dan teratur setiap masa.
- 4.1.2. Buku laporan, buku pelawat dan lain-lain buku mesti di tulis dengan terang, kemas dan teratur setiap masa.
- 4.1.3. Lampu di kawasan pengawal/kaunter pengawal mesti dipasang sepanjang malam.
- 4.1.4. Kawasan pengawal/kaunter pengawal sentiasa di tunggu oleh pengawal keselamatan.
- 4.1.5. Tidak dibenarkan sesiapa masuk ke dalam kawasan pengawal/kaunter pengawal kecuali pegawai yang telah di tugaskan.
- 4.1.6. Semua kebenaran untuk membawa keluar peralatan pejabat hendaklah mendapat kebenaran ketua/bahagian yang berkenaan.

4.2. Pintu Pejabat

- 4.2.1. Pintu pejabat hendaklah di buka pada jam 07:00 pagi dan di tutup pada jam 6:00 petang tiap-tiap hari bekerja.

4.3. Pelawat – Pelawat

- 4.3.1. Semua pelawat yang masuk ke kawasan / bangunan mesti di ambil butir-butir peribadi, nombor kenderaan serta tujuan kedatangan dan memakai pas pelawat yang diberikan.
- 4.3.2. Semua pelawat hendaklah menyerahkan semula pas pelawat yang diberikan sebelum meninggalkan bangunan.

4.4. Orang-Orang Tertentu

- 4.4.1. Kakitangan yang dibenarkan masuk ke kawasan kompleks / bangunan ini ialah kakitangan IKMa Zon Timur dan yang menghuni di kompleks / bangunan IKMa Zon Timur serta pembekal makanan dan kakitangan syarikat mencuci bangunan sahaja. Mereka ini hendaklah memakai tanda pengenalan diri dan pas pelawat.
- 4.4.2. Orang awam yang dibenarkan masuk ialah peserta-peserta kursus IKMa Zon Timur, penyewa-penyewa bangunan dan penyewa IKMa Zon Timur.

4.5. Kenderaan

- 4.5.1. Kenderaan yang keluar masuk mesti di periksa dengan teliti terutama sekali yang membawa barang-barang.
- 4.5.2. Pastikan semua jenis kenderaan diletakkan di tempat letak kenderaan yang di sediakan.

4.6. Keluar Masuk Barang - Barang

- 4.6.1. Kenderaan yang membawa keluar masuk barang-barang mesti di periksa terlebih dahulu.
- 4.6.2. Barang-barang atau harta benda yang boleh di bawa keluar sekiranya ada kebenaran daripada pegawai-pegawai berkuasa.

4.7. Buku Laporan

Buku Laporan berikut adalah perlu dilengkapkan setiap hari oleh pengawal-pengawal yang bertugas.

- 4.7.1. Buku Laporan Harian
- 4.7.2. Buku Pelawat
- 4.7.3. **Buku Laporan hendaklah dikemukakan oleh pengawal kepada pihak pengurusan IKMa Zon Timur serta membincangkannya pada setiap hari jam 8.30 pagi.**

4.8. Jam Kekunci

Pihak pengawal perlu memastikan jam kekunci di pasang di 3 kawasan iaitu di tepi dan hadapan pejabat IKMa Zon Timur.

5. KEANGGOTAAN PENGAWAL

- i. Anggota yang terlatih.
- ii. Warganegara Malaysia.
- iii. Berumur di antara 25 tahun hingga 60 tahun.
- iv. Sihat tubuh badan dan mendapat pengesahan doktor.
- v. Lulus tapisan keselamatan dari Polis dan Pejabat Pengawal Keselamatan. Sekiranya pelanggan tidak puas hati dengan prestasi mana-mana pengawal keselamatan, syarikat bertanggungjawab menggantikannya.

6. KELENGKAPAN

- 6.1. Syarikat hendaklah menyediakan kelengkapan seperti berikut kepada setiap pengawal sepanjang tempoh kontrak :-
- 6.1.1. Pakaian seragam lengkap dengan tanda nama.
 - 6.1.2. Cotar, Wisel, Lampu Picit, Baju Hujan dan lain-lain yang berkaitan.
 - 6.1.3. Lain-lain kelengkapan yang di fikirkan perlu mengikuti kesesuaian tempat bertugas.

7. TANGGUNGJAWAB

- 7.1. Anggota pengawal bertanggungjawab kepada pengurus bangunan atau mana-mana pegawai yang menjalankan tugas bagi pihaknya.
- 7.2. Pegawai keselamatan IKMa Zon Timur berhak menentukan pelaksanaan perkhidmatan tersebut.
- 7.3. Menghubungi pihak berkenaan termasuk Ketua Jabatan, Polis, Bomba, Hospital pada masa kecemasan.
- 7.4. Memberi bantuan mula terhadap kecemasan termasuk memadam kebakaran dan kecemasan.
- 7.5. Syarikat bertanggungjawab ke atas kehilangan atau kemusnahan harta benda kerajaan akibat kecuaiannya anggota pengawalnya.
- 7.6. Memastikan semua lampu di dalam bilik air, tangga, koridor dan lain-lain dipadamkan apabila tidak diperlukan. Begitu juga dengan pili air hendaklah di tutup. Sekiranya pengawal mendapati perkara di atas tidak ditutup, pengawal perlumenghubungi dan memaklumkan perkara tersebut kepada kakitangan IKMa Zon Timur yang bertugas.

JADUAL TAWARAN HARGA:**A. JUMLAH HARGA KESELURUHAN****CONTOH PENGIRAAN :** Kadar Sejam x 1 Orang x 12 Jam x Hari

Perkara	Kos Perkhidmatan Bulanan (RM)	Kos Perkhidmatan Tahunan (RM) (Kos Perkhidmatan Bulanan x 24 Bulan)
Kerja-Kerja Perkhidmatan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan (Tanpa Senjata) Bagi Bangunan Pejabat IKMa Zon Timur Bagi Tempoh 2 Tahun		
JUMLAH KESELURAHAN (RM)	RM	RM